

PROSEDUR KUALITI

PK(PT)-8 PELUPUSAN TANAH KERAJAAN BAGI TUJUAN PERIZABAN

DISEDIAKAN	DILULUSKAN
<p>..... (ROSNANI BINTI ISMAIL) PENOLONG PEGAWAI DAERAH (PEMBANGUNAN / PELUPUSAN)</p> <p>Tarikh : 1 Februari 2019</p>	<p>..... (TENGKU DATO' NOR ASMALIZA BINTI KU LAH) PEGAWAI DAERAH KUANTAN</p> <p>Tarikh : 1 Februari 2019</p>

1.0 OBJEKTIF

Prosedur ini bertujuan mewujudkan satu sistem Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan yang cekap, berkesan, berpotensi, mantap, adil dan memberikan perkhidmatan yang berkualiti agar memberi keuntungan yang optima kepada orang awam, syarikat-syarikat dan kerajaan.

2.0 SKOP

Prosedur ini diguna pakai oleh Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan dalam mengurus program Pelupusan Tanah .

3.0 RUJUKAN

- 3.1 Kanun Tanah Negara 1965
- 3.2 Kaedah Tanah Pahang 1992
- 3.3 Arahan Pentadbiran Tanah Negeri (APTN)
- 3.4 Peraturan Tanah Negeri 1966,Pindaan 1987
- 3.5 Pekeliling-Pekeliling KPTG
- 3.6 Surat-surat Pekeliling KPTG
- 3.7 Pekeliling – Pekeliling PTG
- 3.8 Arahan – Arahan / Keputusan MMK
- 3.9 Pekeliling-pekeliling Setiausaha Kerajaan Pahang (SUK)

PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUANTAN

UNIT PELUPUSAN TANAH, BHG. PENGURUSAN TANAH
PK(PT)-8 : PELUPUSAN TANAH KERAJAAN BAGI TUJUAN PERIZABAN

NO. TERBITAN : 01

NO. PINDAAN : 00

TARIKH KUATKUASA : 1 FEBRUARI 2019

NO. SALINAN : 00

4.0 DEFINISI

- 4.1 Pelupusan ertinya apa-apa pelupusan tanah yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam menjalankan mana-mana dari kuasa-kuasa bersamaan yang diberi oleh mana-mana undang-undang tanah terdahulu.
- 4.2 Unit Pelupusan Tanah merupakan pasukan petugas atau kumpulan yang dipertanggungjawabkan untuk pelupusan tanah dengan adil, cekap serta sistematik untuk pertimbangan dan kelulusan kerajaan.
- 4.3 Tanah rizab ertinya tanah yang buat masa ini dirizabkan untuk tujuan awam dengan peruntukan-peruntukan Seksyen 62 KTN atau mana-mana undang-undang tanah terdahulu.

5.0 SINGKATAN

- 5.1 PBN - Pihak Berkuasa Negeri
- 5.2 MMK - Majlis Mesyuarat Kerajaan
- 5.3 JKPTD - Jawatankuasa Penyelesaian Tanah Daerah
- 5.4 PTG - Pengarah Tanah dan Galian
- 5.5 PTD - Pentadbir Tanah Daerah
- 5.6 PPTD - Penolong Pentadbir Tanah Daerah
- 5.7 PUU - Pembantu Undang-undang
- 5.8 PPT(K) - Penolong Pegawai Tanah (Kanan)
- 5.9 KPT - Ketua Pembantu Tadbir
- 5.10 PPT - Penolong Pegawai Tanah
- 5.11 PT - Pembantu Tadbir
- 5.12 PT(H) - Pembantu Tadbir (Hasil)
- 5.13 PP - Pelukis Pelan
- 5.14 PN - Penghantar Notis
- 5.15 MPK - Majlis Perbandaran Kuantan
- 5.16 JKR - Jabatan Kerja Raya
- 5.17 JPS - Jabatan Pengairan dan Saliran

PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUANTAN

UNIT PELUPUSAN TANAH, BHG. PENGURUSAN TANAH
PK(PT)-8 : PELUPUSAN TANAH KERAJAAN BAGI TUJUAN PERIZABAN

NO. TERBITAN : 01

NO. PINDAAN : 00

TARIKH KUATKUASA : 1 FEBRUARI 2019

NO. SALINAN : 00

- 5.18 JPBD - Jabatan Perancang Bandar dan Desa
 5.19 JPPH - Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
 5.20 JUPEM - Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia
 5.21 JKKK - J/Kuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
 5.22 PA/PW - Pelan Akui/Pelan Warta

6.0 TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
PT	1 - Terima permohonan dari agensi/JKKK dan permohonan adalah dalam bentuk surat biasa. - Buat semakan awal dan masuk dalam daftar permohonan perizapan Sek. 62 KTN.
PP	2 Semak status tanah, buat catatan di atas kertas minit dan majukan kepada KPT/PT.
KPT/PT	3 Terima fail dan semak ikut keperluan dan edar kepada PPTanah(K).
PPT(K)	4 Semak fail dan edar kepada PPTanah untuk siasatan dan laporan.
PPT	5 - Terima fail dan semak secara kasar atas syit serta cari rujukan berkaitan. - Sediakan notis 29A untuk lawat tapak jika perlu. - Sedia laporan dan edar kembali kepada PPTanah(K).
PPT(K)	6 Semak fail dan jika tiada apa-apa masalah, minta ulasan jabatan teknikal.
KPT	7 Buat surat untuk ulasan teknikal dan edar fail kepada PPTD untuk arahan selanjutnya.
PPTD	8 Menandatangani surat meminta ulasan teknikal.
PPT(K)	9 Semak ulasan daripada jabatan teknikal dan membuat perakuan/syor diangkat ke mesyuarat JKPTD.
PPTD	10 Semak ulasan dan beri arahan untuk diangkat ke mesyuarat

PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUANTAN**UNIT PELUPUSAN TANAH, BHG. PENGURUSAN TANAH
PK(PT)-8 : PELUPUSAN TANAH KERAJAAN BAGI TUJUAN PERIZABAN****NO. TERBITAN : 01****NO. PINDAAN : 00****TARIKH KUATKUASA : 1 FEBRUARI 2019****NO. SALINAN : 00**

	JKPTD.
KPT/PT	11 Sediakan lampiran untuk dibawa ke Mesyuarat JKPTD.
PPTD	12 - Bawa kertas mesyuarat ke Mesyuarat JKPTD untuk perakuan. - Beri arahan kepada KPT/PT untuk sediakan kertas ke MMK jika disokong dan buat surat ke pemohon jika ditolak.

7.0 REKOD-REKOD BERKAITAN

BIL.	REKOD	TEMPOH PENYIMPANAN
1.	Buku Daftar Permohonan	Kekal
2.	Fail Permohonan	Kekal
3.	Buku Daftar Pergerakan Fail	Kekal
4.	Buku Despatch	5 Tahun

8.0 SENARAI BORANG BERKAITAN

BIL.	BORANG	KOD BORANG
1.	Borang Permohonan	
2.	Laporan Siasatan Tanah	Borang 29A (PTN/F4)